

Kertas Bil. 41/2021



**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG
KERAJAAN (*PUBLIC ACCOUNTS COMMITTEE - PAC*)
BERKAITAN DARUL EHSAN FACILITIES
MANAGEMENT SDN. BHD. (DEFMSB)**

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	HALAMAN
1	Pendahuluan	1
2	Latar Belakang	2
3	Penemuan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 3 Tahun 2018	3
4	Hasil Dapatan Jawatankuasa PAC Daripada Taklimat DEFMSB	7
5	Penemuan Jawatankuasa	8
6	Syor Jawatankuasa	9
7	Perakuan	10
	Ahli-Ahli Jawatankuasa	11
	Urus setia	
	Wakil Jabatan	12

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG KERAJAAN (*PUBLIC ACCOUNTS COMMITTEE* - PAC) BERKAITAN DARUL EHSAN MANAGEMENT SDN. BHD. (DEFMSB)

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 68(1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor 1965 berkenaan Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan (PAC) dan menurut Peraturan Tetap 76(1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas Tahun 2021.

Ahli-Ahli Jawatankuasa PAC bagi tahun 2021 terdiri daripada:

- | | |
|---|-----------|
| 1) Y.B. Datuk Rizam bin Ismail
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar) | Pengerusi |
| 2) Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping
(ADN Kawasan Bukit Lanjan) | Ahli |
| 3) Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Ahli |
| 4) Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| 5) Y.B. Puan Lim Yi Wei
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 6) Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi
(ADN Kawasan Kota Anggerik) | Ahli |
| 7) Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli
(ADN Kawasan Jeram) | Ahli |

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Jawatankuasa PAC telah membuat semakan dan penelitian ke atas Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 3 Tahun 2018 berkaitan Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Jabatan yang disepakati untuk disiasat ialah Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd. (DEFMSB).
- 2.2. Jawatankuasa PAC telah memutuskan satu sesi pendengaran tertutup diadakan bersama pihak pengurusan DEFMSB bersama pihak Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Audit Negara Negeri Selangor untuk menyiasat dan meneliti isu tadbir urus pada mesyuarat jawatankuasa Bil. 2/2021 bertarikh 1 Oktober 2021 yang dihadiri oleh ahli-ahli jawatankuasa seperti berikut:
- | | |
|---|-----------|
| 1) Y.B. Tuan Datuk bin Ismail
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar) | Pengerusi |
| 2) Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping
(ADN Kawasan Bukit Lanjan) | Ahli |
| 3) Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Ahli |
| 4) Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| 5) Y.B. Puan Lim Yi Wei
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 6) Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi
(ADN Kawasan Kota Anggerik) | Ahli |
- 2.3. Hasil dapatan dan laporan ini dirumuskan daripada sesi pendengaran tertutup dan dialog bersemuka Jawatankuasa PAC bersama Jabatan Audit Negara Negeri Selangor, SPRM dan DEFMSB. Kemudahan portal *AG's Dashboard* milik Ketua Audit Negara di laman sesawangnya turut dimanfaatkan Jawatankuasa PAC bagi memudahkan rujukan penyiasatan.

3. PENEMUAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) SIRI 3 TAHUN 2018

Berikut merupakan jadual bagi penemuan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) terhadap isu berstatus “dalam tindakan” oleh DEFMSB di *AG’s Dashboard* beserta maklum balas terkini DEFMSB.

BIL	ISU	PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS DEFMSB
1.	Pengerusi dan Lembaga Pengarah	<p>i) Piagam Lembaga Pengarah tidak disediakan bagi menyatakan peranan dan tanggungjawab ahli Lembaga Pengarah serta pengurusan syarikat.</p> <p>ii) Lembaga Pengarah juga tidak mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika Syarikat sejak syarikat mula ditubuhkan.</p>	<p>Maklum Balas DEFMSB Yang Diterima Pada 2 April 2021</p> <p>i) Piagam Lembaga Pengarah telah dimuktamadkan dan akan dibentangkan di mesyuarat Jawatankuasa Audit, Pengurusan Risiko dan Integriti (“JARI”) MBI yang dijangka diadakan pada suku tahun pertama 2021 dan akan dibentangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah MBI untuk kelulusan dalam suku tahun yang sama.</p> <p>ii) Kod Tatalaku dan Etika Syarikat telah dibentangkan di mesyuarat JARI MBI pada 20 Disember 2020 dan seterusnya telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah MBI di mesyuarat pada 12 Januari 2021 untuk dilaksanakan di peringkat</p>

		<p>iii) Dua (2) daripada enam (6) ahlinya tidak pernah menghadiri sebarang latihan atau kursus berkaitan aktiviti syarikat atau tadbir urus dan lain-lain program pembelajaran.</p>	<p>MBI dan anak-anak syarikat di bawah Kumpulan MBI.</p> <p>iii)Tiada maklum balas dari DEFMSB.</p> <p>(SUSULAN AUDIT : Status kelulusan Piagam Lembaga Pengarah, Kod Tatalaku dan Etika Syarikat oleh Lembaga Pengarah DEFMSB.)</p>
2.	Setiausaha Syarikat	<p>Semakan Audit mendapati peranan Setiausaha Syarikat tidak dijalankan dengan berkesan antaranya tidak menasihati ahli Lembaga Pengarah untuk menyediakan Kod Tatalaku dan Etika Syarikat, Piagam Lembaga Pengarah, program pembelajaran ahli Lembaga Pengarah serta pemantauan Perancangan Strategik syarikat. Perkara ini juga tidak selaras dengan Kod Kelakuan No. 10 yang perlu dipatuhi oleh Setiausaha Syarikat.</p>	<p>Maklum Balas DEFMSB Yang Diterima Pada 1 April 2021</p> <p>Jabatan Integriti dan Governans MBI dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (“SPRM”) serta Pengurusan DEFMSB telah menganjurkan program Ikrar Bebas Rasuah dan ceramah mengenai Pengenalan kepada Akta SPRM 2009 dan Liabiliti Korporat pada 28 September 2020 yang merupakan salah satu program pembelajaran kepada Ahli Lembaga Pengarah dan kakitangan.</p> <p>(SUSULAN AUDIT: Peranan sebenar yang dilaksana oleh Setiausaha Syarikat.)</p>

3.	<p>Kerja Menaik Taraf Dan Membaik Pulih Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA)</p>	<p>i) Semakan Audit mendapati sehingga 9 Ogos 2019, 10 daripada 11 kontrak perjanjian ditandatangani pada 16 Mei 2019 iaitu selepas kerja naik taraf dan baik pulih selesai dilaksanakan. Kelewatan kontrak perjanjian ditandatangani daripada tarikh SST dikeluarkan adalah antara 178 hingga 266 hari.</p> <p>ii) Semakan Audit selanjutnya sehingga 28 Februari 2020 mendapati satu (1) daripada 11 kerja tersebut iaitu Kerja Menaik Taraf Sistem Pencegahan Kebakaran dan Mendapatkan Perakuan Bomba masih belum dimeterai dengan kontrak perjanjian melibatkan kelewatan selama 469 hari. Bagaimanapun, bayaran kemajuan kerja bagi kontrak ini telah dibuat sejumlah RM199,200 (40%) daripada keseluruhan harga kontrak berjumlah RM498,000.</p> <p>3P1K: Kecuaian Jumlah Ketirisan: RM 0.00</p>	<p>Maklum Balas DEFMSB Yang Diterima Pada 21 September 2020</p> <p>a) Jabatan Perolehan Projek telah ditubuhkan dan Juruukur Bahan yang berpengalaman telah dilantik bagi menguruskan hal-hal berkaitan perolehan dan kontrak perjanjian bagi memastikan pengurusan projek dilaksanakan mengikut peraturan dan ketetapan yang telah ditetapkan.</p> <p>b) Berdasarkan amalan kebiasaan perlantikan konsultan, tiada elemen LAD dikenakan kecuali perlantikan kontraktor. DEFMSB telah memutuskan untuk meneruskan kontrak tanpa terma berkaitan LAD dan surat setuju terima adalah diterima pakai.</p> <p>DEFMSB merupakan syarikat Sdn Bhd dan tidak tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan. Namun, Arahan Perbendaharaan digunapakai sebagai rujukan baik amalan syarikat.</p>
----	---	---	--

			(SUSULAN AUDIT : DEFMSB mengemukakan Carta Organisasi Dan Fungsi Jabatan Perolehan Projek; surat pelantikan Juruukur Bahan; serta status kemajuan Kerja Menaik Taraf Sistem Pencegahan Kebakaran dan Mendapatkan Perakuan Bomba)
4.	Penalti tidak dikenakan	<p>Semakan Audit mendapati empat (4) kerja menaik taraf dan membaik pulih KSSA telah lewat disiapkan dari tarikh yang ditetapkan tanpa kelulusan lanjutan masa. Bagaimanapun, tiada Perakuan Sijil Kerja Tidak Siap dikeluarkan. Pihak Audit mendapati pembayaran kemajuan kerja telah dibuat tetapi tiada penalti dikenakan terhadap kontraktor tersebut sebagai denda lewat siap. Berdasarkan kepada pengiraan Audit, DEFMSB sepatutnya mengenakan penalti berjumlah RM25,600</p> <p>3P1K: Kecuaian Jumlah Ketirisan: RM 25,600.00</p>	<p>Maklum Balas DEFMSB Yang Diterima Pada 1 April 2021</p> <p>Semua bayaran telah diselesaikan. Baucer bayaran tidak dapat dilampirkan untuk Enkey Enterprise kerana baucer bayaran bagi tahun 2018 telah diambil oleh pihak audit Kastam DiRaja Malaysia untuk tujuan audit GST.</p> <p>SOP telah dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah bil 03/2020 pada 16 Disember 2020.</p> <p>(SUSULAN AUDIT : Status tindakan yang diambil oleh SSM.)</p>
5.	Tunggakan sewa Tapak Pasar	Semakan Audit terhadap rekod kutipan sewaan tapak pasar Bazarena Kekal dan Bazarena Promosi mendapati DEFMSB	Maklum Balas DEFMSB Yang Diterima Pada 21 September 2020

	Bazarena Kekal	mempunyai tunggakan sewaan daripada penyewa tapak pasar Bazarena Kekal sejumlah RM30,300 bagi tempoh tahun 2018 sehingga bulan Jun 2019. 3P1K: Kecuaian Jumlah Ketirisan: RM 0.00	Proses pemutihan dan pendaftaran semula peniaga telah selesai dilaksanakan. (SUSULAN AUDIT : DEFM kemukakan bukti tunggakan sewa selesai dikutip balik sepenuhnya)
--	----------------	---	---

4. HASIL DAPATAN JAWATANKUASA PAC DARIPADA TAKLIMAT DEFMSB

BIL	ISU	MAKLUM BALAS DEFMSB (1 OKTOBER 2021)
1.	Pengerusi dan Lembaga Pengaran	<p>1. Piagam Lembaga Pengarah masih belum diturunkan kepada Anak Syarikat oleh MBI untuk diadaptasikan.</p> <p>Piagam Lembaga Pengarah di peringkat MBI akan dimuktamadkan dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit, Pengurusan Risiko dan Integriti ("JARI") Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) ("MBI") dan seterusnya akan dibentangkan kepada Ahli Lembaga Pengarah MBI di mesyuarat untuk kelulusan selewat lewatnya pada suku keempat tahun 2021.</p> <p>2. Kod Tatalaku & Etika Syarikat telah dibentangkan dan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah DEFM dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada 28 September 2021</p>
2.	Setiausaha Syarikat	<p>Setiausaha telah menjalankan tugas menasihati Lembaga Pengarah bagi penyediaan Piagam Lembaga Pengarah dan Kod Tatalaku dan Etika Syarikat.</p> <p>Piagam Lembaga Pengarah sedang dalam proses di peringkat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)</p>

		<p>("MBI") dan akan diturunkan kepada anak-anak syarikat untuk diadaptasi setelah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah MBI.</p> <p>Kod Tatalaku dan Etika Perniagaan Syarikat DEFM telah dibentangkan dan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah DEFM pada 28 September 2021 dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil 1/2021.</p>
3.	Kerja Menaik Taraf Dan Membaik Pulih Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA)	<p>Jurutera Perunding, Exa Consult telah mengemukakan pelan arkitekural terbina terkini KSSA kepada pihak Bomba bagi mendapatkan kelulusan dan perakuan Bomba pada 31 May 2021.</p> <p>Sehingga 23 September 2021, 4 sesi perbincangan bersama pihak Bomba telah berlangsung dan yang terakhir pada 21 September 2021.</p>
4.	Penalti tidak dikenakan	<p>Status tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia ("SSM").</p> <p>Tiada maklumbalas diperlukan diperingkat DEFM.</p>
5.	Tunggakan sewa Tapak Pasar Bazarena Kekal	Selesai.

5. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 5.1 PAC mendapati lima (5) penemuan LKAN masih dalam tindakan, di mana tiga (3) maklumbalas adalah di peringkat kelulusan oleh Jabatan Ketua Audit Negara dan dua (2) lagi masih memerlukan tindakan di pihak Menteri Besar Selangor (Incorporated) (MBI).
- 5.2 PAC mendapati DEFMSB tidak melaksanakan prosedur perolehan mengikut tatacara yang betul pada awalnya dan hanya membuat penambahbaikan selepas ditegur oleh Jabatan Ketua Audit Negara.

- 5.3 PAC mendapati Ketua Pegawai Eksekutif DEFMSB masih belum lagi dilantik sejak 20 Oktober 2019. Jawatan tersebut hanya dipangku oleh wakil daripada MBI. Ini menjejaskan perancangan dan hala tuju pencapaian DEFMSB.
- 5.4 Hasil perkongsian maklumat daripada Jabatan Ketua Audit Negara, terdapat keperluan untuk menjalankan pusingan kerja bagi kakitangan DEFMSB bagi memastikan tidak berlaku insiden kutipan hasil yang tidak direkodkan.
- 5.5 PAC mendapati liabiliti DEFMSB adalah lebih daripada pendapatan sebagaimana yang turut diutarakan oleh pihak SPRM. Geran tahunan yang diperolehi daripada Kerajaan Negeri yang sepatutnya digunakan untuk membaik pulih KSSA turut digunakan untuk membiayai kos penggajian kakitangan yang tinggi yang sepatutnya tidak berlaku.
- 5.6 PAC mendapati DEFMSB sehingga kini masih belum menunjukkan sebarang penambahbaikan dalam penyelenggaraan aset-asetnya terutamanya KSSA.

6. SYOR JAWATANKUASA


- 6.1 PAC menyarankan DEFMSB perlu mematuhi tatacara perolehan yang ditetapkan dan bekerjasama dengan Perbendaharaan Negeri Selangor (PWN) untuk melaksanakan kursus-kursus kewangan dan perolehan bagi semua peringkat kakitangan dan pegawai DEFMSB.
- 6.2. PAC menyarankan agar MBI perlu memastikan setiap anak syarikatnya termasuk DEFMSB mewujudkan dan mematuhi kod etika syarikat selaras dengan dasar tadbir urus yang baik.
- 6.3 PAC menyarankan agar Ketua Pegawai Eksekutif DEFMSB dilantik segera supaya perancangan dan hala tuju syarikat dapat dirancang dengan baik sebelum dibentangkan di dalam mesyuarat ALP untuk kelulusan.
- 6.4 PAC juga menyarankan agar jumlah ALP sedia ada ditambah dan dilantik dari kalangan individu yang berkelayakan dan kompeten. Bilangan ALP wanita harus ditingkatkan untuk menambahbaik kepelbagaian (“diversity”) ALP.

- 6.5 PAC menyarankan agar DEFMSB perlu melaksanakan pusingan kerja terutamanya di kalangan kakitangan yang terlibat dengan kutipan hasil agar tidak wujud ruang untuk berlakunya ketirisan.
- 6.6 PAC menyarankan agar DEFMSB perlu mengutamakan pelan perancangan pemulihan KSSA yang mana ia merupakan penjana hasil DEFMSB dan merupakan tujuan utama Geran RM5 juta disalurkan kepada DEFMSB.
- 6.7 PAC menyarankan supaya DEFMSB melaksanakan *multitasking* yang mana secara langsung dapat mengurangkan kos penggajian dan memperuntukkan bajet yang lebih untuk penyelenggaraan aset.

7. PERAKUAN

Penyata ini disediakan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan (*Public Accounts Committee - PAC*). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan (*Public Accounts Committee - PAC*) dalam mesyuarat Jawatankuasa Bil. 2/2020 pada 1 Oktober 2021.

Disahkan oleh:



.....
Y.B. DATUK RIZAM BIN ISMAIL

Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan

(*Public Accounts Committee - PAC*)

Dewan Negeri Selangor Keempat Belas Tahun 2021

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan (*Public Accounts Committee - PAC*):

- | | |
|---|-----------|
| 1. Y.B. Datuk Rizam bin Ismail
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping
(ADN Kawasan Bukit Lanjan) | Ahli |
| 3. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Ahli |
| 4. Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| 5. Y.B. Puan Lim Yi Wei
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 6. Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli
(ADN Kawasan Jeram) | Ahli |
| 7. Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi
(ADN Kawasan Kota Anggerik) | Ahli |

URUS SETIA

- i) Puan Gayathri A/P Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian (Dewan)
- ii) Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iii) Nurul Liana Bt Musa
Pembantu Tadbir (Dewan)
- iv) Puan Salmiah Binti Hamdan
Penyelidik Kanan Pejabat Speaker

- v) Cik Cheah Sheue Chyi
Penyelidik Pejabat Speaker

- vi) Encik Ahmad Zaim binti Ahmad Tawfek
Setiausaha Kerja Ketua Pembangkang

Wakil Jabatan Audit Negara Negeri Selangor

- i) YBrs. Dr. Mohamad Fauzi bin Mohamad Saruman
Timbalan Pengarah

- ii) Puan Nur El Haidar binti Harun
Juruaudit

Wakil Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor

- i) TPj Dato' Haji Alias bin Salim
Pengarah SPRM Negeri Selangor

- ii) Puan Nurhidayah binti Taufek
Pegawai SPRM

Wakil Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd. (DEFMSB)

- i) Encik Ahmad Sayutzi bin Bashiron
Ketua Bahagian Pengurusan Fasiliti

- ii) Encik Mohd Fahmi bin Mohd Nordin
Ketua Bahagian Pembangunan Perniagaan

- iii) Puan Zamzuraini binti Zulkepli
Ketua Bahagian Perkhidmatan Korporat